



The background is a solid dark blue. It is populated with various isometric illustrations in white and light blue. At the top, a person in a blue uniform sits on a puzzle piece, while another person stands nearby. A large puzzle piece with a question mark is prominent. In the center, the title is written in white. Below the title, there are several puzzle pieces, some with icons like a heart and a location pin. The letters 'A B C D' are rendered in large, 3D block letters. At the bottom, the word 'thinkcity' is written in a lowercase, sans-serif font. The bottom corners show people interacting with puzzle pieces, and a speech bubble with a flame icon is on the right.

Toolkit: Pendekatan Berasaskan Aset Dalam Pembangunan Komuniti

thinkcity



Diterbitkan oleh

Think City Sdn Bhd 200901026839 (869941-P)

Think City Penang @ Bangunan UAB

Level 1, UAB Building

No. 21-35 Gat Lebu China

10300 George Town

Pulau Pinang

Tel: +604 2613 146

www.thinkcity.com.my

Hak Cipta © 2025 Think City Sdn Bhd

Kami menggalakkan penggunaan dan perkongsian penerbitan ini untuk tujuan pendidikan dengan menyatakan sumbernya. Sebarang pengeluaran semula penerbitan ini, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, untuk tujuan komersial memerlukan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Think City dan penulis.

Dengan menggunakan Toolkit ini, anda bersetuju untuk menanggung sebarang kerugian, kerosakan harta benda, kecederaan atau kemalangan yang berlaku akibat penggunaan Toolkit ini.

Kandungan

Penghargaan	4
Senarai Rajah	5
Senarai Jadual	5
1. Pengenalan	6
2. Konteks	7
3. Pendekatan Pembangunan Tempat dan Komuniti	8
3.1 Pendekatan Berasaskan Keperluan	8
3.2 Pendekatan Berasaskan Aset	9
3.3 Peranan Budaya dalam Pembangunan Komuniti	10
4. Prinsip-prinsip ABCD	11
5. Prosedur ABCD	12
6. Alat Sumber	14
6.1 Pengumpulan Data dan Pengenalpastian Masalah	14
6.2 Perancangan Intervensi atau Inisiatif Strategik	17
6.3 Pemantauan & Penilaian	18
6.4 Pengaktifan Komuniti	19
7. Contoh Kes Amalan ABCD	21
Contoh kes ini menggambarkan penggunaan amalan ABCD dalam landskap budaya luar bandar di negeri Perak, Malaysia dan menyorot kejayaan serta cabaran dalam mengaplikasikan pendekatan ABCD.	
7.1 Konteks dan Pernyataan Masalah	21
7.2 Huraian Projek, Objektif dan Matlamat	22
7.3 Pemilihan Tapak Pembelajaran	23
7.4 Pihak yang Terlibat	24
7.5 Proses	25
7.6 Pengaktifan Komuniti	26
7.7 Pembangunan Kapasiti	27
7.8 Hasil (Outputs)	28
7.9 Penilaian	29
8. Kesimpulan	31
Rujukan	33

Penghargaan

Pengarang: Janet Pillai

Penyunting: Tan Pek Leng & Dr Matt Benson

Penyokong projek:

Arts-Ed Project Team

Raja Nur Hanani

A'ishah Anam

Dr Ceelia Leong

Richard Engelhardt

Pemegang Taruh Komuniti Lenggong

Penerbitan Toolkit ini disokong oleh

YAYASAN
HASANAH



A foundation of Khazanah Nasional

Think City ingin merakamkan penghargaan kepada rakan kerjasama dan pihak berkepentingan atas penerbitan Toolkit ini.





1. Pengenalan

Toolkit ini mengandungi panduan umum dan sumber adaptif untuk mereka yang ingin mempelajari pendekatan berasaskan aset dalam pembangunan lestari. Ia memberi tumpuan kepada kaedah mudah cara komuniti di kawasan luar bandar dan bandar untuk memanfaatkan aset komuniti mereka dalam menangani perubahan, cabaran dan peluang demi menambahbaik penempatan manusia,

alam sekitar dan kesejahteraan komuniti. Golongan sasaran yang mungkin mendapati toolkit ini berguna termasuklah petugas pembangunan komuniti atau penggiat budaya yang terlibat dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), serta pentadbir dan pengurus projek agensi pembangunan atau agensi penderma yang ingin melibatkan komuniti dalam usaha pembangunan.



2. Konteks

Dalam toolkit ini, komuniti merujuk kepada satu atau beberapa kumpulan manusia yang mendiami ruang geografi yang sama dan yang bersama-sama terlibat dalam usaha membentuk tempat (*placemaking*) untuk mewujudkan rasa kebersamaan terhadap tempat dan identiti. Landskap budaya terhasil daripada interaksi komuniti dengan alam sekitar mereka. Landskap budaya sering mencerminkan saling bergantung dan kewujudan bersama antara cara hidup masyarakat, alam sekitar dan sistem ekologi yang berkaitan.


Sebagai entiti yang hidup, landskap budaya berkembang hasil daripada aktiviti manusia. Landskap budaya ini memuatkan pelbagai lapisan makna yang mencerminkan nilai dan tindakan pelbagai pihak yang membentuknya dari semasa ke semasa. Ketegangan antara mengekalkan kesinambungan budaya dan menyesuaikan

diri dengan perubahan sentiasa menjadi cabaran kepada komuniti.

Masalah boleh timbul apabila dasar pembangunan, intervensi atau aliran modal dan teknologi yang tidak mengambil kira konteks tempatan diperkenalkan ke dalam landskap budaya. Intervensi ini selalunya hanya menumpukan kepada satu matlamat tunggal tanpa mempertimbangkan kesan terhadap dimensi lain di lokasi tersebut. Ia juga mungkin mengandaikan kestabilan budaya tempatan yang tinggi secara salah, atau mengambil pendekatan teknokratik dan materialistik terhadap sumber sebagai modal atau barangan dagangan. Ini boleh membawa kepada pembangunan yang tidak sensitif dan tidak lestari — contohnya, pembinaan lebuh raya yang merentasi dan mengganggu penempatan manusia tradisional, atau model pelancongan yang membawa kepada keterlampauan dalam komodifikasi amalan dan produk budaya.

3. Pendekatan Pembangunan Tempat dan Komuniti

Pembangunan tempat merupakan satu proses dan pendekatan dalam perancangan, reka bentuk dan pengurusan sesebuah kawasan yang didiami. Walaupun sepatutnya berakar pada ciri-ciri unik, aset budaya dan keperluan komuniti setempat, pembangunan tempat pada masa kini sering kali mengabaikan komuniti itu sendiri. Akibatnya, terdapat gerakan balas yang menekankan pembangunan komuniti — satu proses yang memupuk pembinaan komuniti yang kukuh dan berdaya tahan, yang mampu membuat keputusan dan menetapkan matlamat secara kolektif serta mengambil tindakan dan tanggungjawab bersama terhadap masa depan mereka.




3.1 Pendekatan Berasaskan Keperluan

Apabila menangani isu alam sekitar, sosial atau ekonomi yang menjejaskan landskap budaya bandar atau luar bandar, kerajaan, institusi dan agensi penderma sering menggunakan pendekatan berasaskan keperluan yang menekankan 'keperluan' komuniti atau 'kekurangan' dalam penempatan manusia serta keperluan terhadap penyelesaian berbentuk material seperti program, subsidi, perkhidmatan atau infrastruktur.

Jabatan kerajaan, agensi pembangunan, NGO atau agensi penderma yang ditugaskan untuk melaksanakan intervensi sering melihat komuniti atau alam sekitar sebagai penerima pasif. Sesetengah intervensi menawarkan penyelesaian pantas tanpa menyelesaikan

punca sebenar masalah, atau menyediakan infrastruktur, program atau perkhidmatan yang tidak mengambil kira konteks setempat.

Pendekatan berasaskan keperluan sering dikritik kerana mewujudkan kebergantungan komuniti terhadap perkhidmatan luar, menyebabkan komuniti hilang keyakinan terhadap keupayaan dan aset mereka sendiri, dan membentuk mentaliti dimana komuniti melihat diri mereka sebagai pengguna dan bukan pengeluar. Pendekatan ini juga cenderung kepada fragmentasi dana kepada pelbagai pembekal perkhidmatan atau infrastruktur dari luar komuniti, sekali gus mengukuhkan kebergantungan kepada pihak luar (McKnight & Kretzmann, 1993, hlm. 4).



3.2 Pendekatan Berasaskan Aset

Pembangunan komuniti berasaskan aset (*Asset-based Community Development, ABCD*) ialah pendekatan pembangunan yang dipacu oleh komuniti dan tidak semata-mata menumpukan pada 'keperluan' atau 'kekurangan' dalam komuniti, sebaliknya memberi penekanan kepada kekuatan yang dimiliki.

Pendekatan ABCD berasaskan kepercayaan bahawa komuniti sendiri boleh memacu proses pembangunan dengan mengenal pasti dan menggerakkan aset sedia ada (yang sering tidak diiktiraf), khususnya modal sosial komuniti (Mathie dan Cunningham, 2002, hlm. 4).

Dalam toolkit ini, konsep aset komuniti diperluas melebihi modal sosial untuk merangkumi apa yang disebut sebagai aset budaya komuniti, iaitu pelbagai sumber nyata dan tidak nyata yang dimiliki dan dihargai oleh komuniti kerana ia mewakili atau menyumbang kepada identiti, kemakmuran dan kesejahteraan komuniti. Dari perspektif ini, pendekatan ABCD boleh memberi tumpuan kepada aset budaya (rujuk Rajah 1 di bawah) seperti tradisi dan amalan, sistem pemikiran, modal sosial, pengetahuan dan kemahiran, artifak dan koleksi, serta ingatan sejarah — dan memanfaatkannya, apabila relevan, untuk pembangunan komuniti.



Rajah 1: Aset Budaya Komuniti



3.3 Peranan Budaya dalam Pembangunan Komuniti

Budaya sering dilihat sebagai hasil daripada pembentukan tempat (*placemaking*), tetapi sebenarnya ia juga merupakan satu proses pembentukan tempat. Komuniti sering berada di persimpangan antara cara berfikir atau bertindak yang diwarisi secara budaya dan kemajuan serta cabaran yang datang dari luar. Komuniti yang kukuh dan padu mampu mengurus perubahan melalui penyesuaian budaya — iaitu keupayaan kolektif untuk bertindak balas, berunding dan menyesuaikan diri dengan kemajuan, cabaran dan ketidakpastian baharu dalam persekitaran fizikal, ekonomi dan sosial.

Jika sesuatu inisiatif atau intervensi ingin menyumbang kepada cara hidup yang lebih lestari, budaya mesti memainkan peranan yang penting. Budaya perlu diambil kira untuk memastikan kesesuaian konteks terhadap

intervensi tersebut, serta mengambil kira pengalaman dan kebijaksanaan komuniti. Sumbangan budaya turut merangkumi pengalaman komuniti, warisan dan sumber mereka, serta keupayaan kolektif mereka untuk menyesuaikan diri dan membentuk semula nilai, tingkah laku dan amalan berasaskan pengetahuan dan keupayaan yang baharu diperoleh.

UNESCO mendukung agar peranan budaya yang bersifat transformatif diberi lebih perhatian dan penekanan dalam pembangunan yang lebih mampan. Ini bermakna komuniti perlu diperkasa untuk menggerakkan proses dan kapasiti budaya mereka sendiri. Usaha dukungan UNESCO ini mencapai kemuncaknya apabila budaya diintegrasikan dalam Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan.

4. Prinsip ABCD

Pendekatan ABCD memperkuat komuniti untuk menghadapi dan mengurus perubahan dengan memanfaatkan aset budaya, dengan sokongan dan sedikit pelaburan daripada pihak ketiga sebagai pemudah cara serta melalui kerjasama dengan rakan-rakan strategik.

Prinsip Panduan untuk Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (ABCD)



Komuniti memiliki aset budaya dan sosial tersendiri yang perlu dikenal pasti, diiktiraf dan dihargai.




Komuniti mempunyai keupayaan rangkaian dan kepimpinan – ahli komuniti perlu dihubungkan dan disusun atur melalui aktiviti atau projek yang diterajui oleh komuniti sendiri.



Membentuk organisasi dari dalam ke luar – komuniti memainkan peranan sebagai pelaku dan penggerak utama, manakala pihak ketiga bertindak sebagai pemudah cara dan penyokong.

Komuniti yang terpinggir atau berpecah-belah mungkin memerlukan ‘pemudah cara’ untuk membantu proses membentuk organisasi sendiri, pengurusan aset atau pembangunan keupayaan. Agensi pembangunan, institusi atau pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (*non-profit organisations*) boleh memainkan peranan yang lebih bermakna sebagai pemudah cara pihak ketiga, sambil membimbing komuniti untuk mengambil peranan sebagai pelaku (iaitu mereka yang terlibat secara aktif) dan penggerak (iaitu mereka yang menggalakkan penyertaan komuniti serta memulakan dan menyokong perubahan dalam komuniti).



Rajah 2: Hubungan antara Pemudah Cara Pihak Ketiga dan Komuniti dalam ABCD

Peranan Pemudah Cara Pihak Ketiga

- Membantu komuniti mengenal pasti dan mengiktiraf aset budaya, sumber, serta nilainya
- Membantu komuniti memanfaatkan aset dan sumber tempatan untuk memulakan atau mengurus perubahan
- Merangka strategi untuk menggerakkan dan melibatkan komuniti dalam pengaktifan serta penyertaan
- Membantu menghubungkan peluang pada peringkat mikro dengan peluang pada peringkat makro



5. Prosedur ABCD

Berikut ialah panduan langkah demi langkah yang dicadangkan untuk melaksanakan pendekatan ABCD. Rajah yang disertakan menunjukkan susunan aktiviti yang progresif, namun dalam pelaksanaannya, sesetengah aktiviti bersifat berterusan untuk tempoh yang lebih panjang walaupun aktiviti seterusnya telah dimulakan, menyebabkan berlakunya pertindihan. Aktiviti-aktiviti ini perlu dilaksanakan selari dengan tahap kesediaan dan penglibatan komuniti.

Jadual 1: Saranan Aliran Aktiviti dalam Pendekatan ABCD

Prosedur ABCD		
Sepanjang Prosedur ABCD (Berlaku Secara Berterusan)		
A. Penglibatan Komuniti	• Siapa yang perlu dilibatkan • Kaedah penglibatan • Membina kepercayaan dan hubungan	Pemudah cara pihak ketiga
B. Pengaktifan Komuniti	• Pemetaan partisipatif • Memartabatkan nilai aset dan sumber komuniti • Memulakan dialog dengan komuniti mengenai idea-idea inisiatif • Menyatakan komitmen serta menetapkan visi, misi dan matlamat bersama • Membentuk kumpulan kerja teras komuniti daripada kalangan ahli yang berminat	Pemudah cara pihak ketiga
C.Penyelesaian Masalah Berterusan	• Proses berterusan mengenal pasti, menganalisis dan menyelesaikan isu yang timbul	
D. Penilaian Berterusan	• Setiap langkah dalam proses intervensi dinilai dan dihubungkan dengan sebuah mekanisme yang mempunyai ruang-ruang untuk sebarang perubahan	

Langkah-Langkah Progresif Prosedur ABCD

1. Pengumpulan Data	• Lawatan tapak dan rujukan data sekunder untuk memahami konteks; manusia, tempat dan penggunaan • Pemetaan budaya untuk mengenal pasti aset dan sumber (terutamanya modal sosial)	Pemudah cara pihak ketiga Pemudah cara pihak ketiga dan komuniti
2. Pengenalpastian Masalah	• Berdasarkan bukti hasil pemetaan, kenal pasti dan huraikan masalah • Gunakan pendekatan sistematik untuk mengenal pasti punca masalah	Pemudah cara pihak ketiga dan komuniti
3. Membentuk Pelan Intervensi Strategik	• Sesi sumbang saran secara kolektif • Perbincangan tentang sumber, mekanisme pelaksanaan, pengurusan proses, pelaksanaan dan penerima manfaat • Sesuaikan inisiatif dengan keperluan dan keupayaan komuniti • Penetapan matlamat secara kolaboratif	
4. Mengasaskan Pasukan Kerja Komuniti	• Pasukan kerja teras komuniti bertindak sebagai pelaku utama • Membina keupayaan komuniti • Memeterai kerjasama dan perkongsian	Pemudah cara pihak ketiga, rakan strategik berkaitan, pasukan kerja komuniti teras
5. Pelaksanaan Inisiatif	• Berkongsi tanggungjawab melaksanakan pelan tindakan melalui pelaksanaan dan penilaian aktiviti • Menjejaki dan memantau kemajuan serta hasil kerja, mengenal pasti dan mengurangkan masalah	Pasukan kerja komuniti teras dengan sokongan pemudah cara pihak ketiga
6. Penyerahan Tadbir Urus	• Komuniti menerajui dan menggerakkan inisiatif secara sepenuhnya	Pasukan kerja komuniti teras

6. Alat Sumber

6.1 Pengumpulan Data dan Pengenalpastian Masalah

Organisasi pemudah cara pihak ketiga (agensi pembangunan, NGO, institusi dan sebagainya) perlu memahami dan menilai konteks persekitaran makro yang memberi kesan kepada komuniti dan tempat, seperti perubahan dalam alam sekitar semula jadi, serta trend politik, ekonomi, sosial dan demografi.

Pengumpulan data daripada sumber maklumat primer dan sekunder dapat meningkatkan kredibiliti hasil kajian.

Maklumat sumber sekunder merujuk

kepada tafsiran, analisis atau sintesis daripada sumber primer dan boleh merangkumi maklumat daripada buku, rekod kerajaan, ulasan, komentar, dan laporan analitikal. **Maklumat sumber primer** pula merujuk kepada catatan langsung yang diperoleh secara terus melalui tinjauan, temu bual, penyiasatan dan pemerhatian (rujuk Jadual 2).

Semasa mengumpul maklumat, pelbagai dimensi sesebuah tempat perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Jadual 2: Panduan dalam Pengumpulan Maklumat (diadaptasi daripada Engelhardt dan Rogers 2009, p1)


DIMENSI	SUMBER SEKUNDER	SUMBER PRIMER
Sejarah	Buku	Karya Asal
Sosial	Jurnal	Kajian Amalan-Amalan
Saintifik	Laporan Kerajaan	Respon Survei
Geografik/Alam Semulajadi	Pangkalan Data	Maklumbalas Bertulis atau
Demografi	Penerbitan	Lisan
Budaya	Komentor	Penderiaan Jauh (Remote
	Laporan Analitik	Sensing)
	Rekod Salasilah/	Siasatan Tempat
	Genealogis	Gambar dan Rakaman
	Rekod Arkeologi	Arkib
		Artifak

Pemetaan Budaya merupakan alat asas dan pembangunan yang digunakan untuk mengumpul, mengenal pasti lokasi, dan menyusun maklumat terperinci mengenai persekitaran mikro komuniti dan kawasan yang terlibat. Pemetaan budaya memerlukan kemahiran dan pengetahuan pelbagai disiplin dan lazimnya diketuai oleh pakar luar.

Pemetaan partisipatif merujuk kepada proses dimana komuniti dari pelbagai sektor dan subkumpulan — yang merupakan pakar sebenar dalam konteks tempatan — turut serta secara aktif dalam proses pemetaan dan menyumbang pengetahuan serta perspektif mereka sendiri terhadap apa yang penting bagi mereka. Penglibatan komuniti dalam proses ini mengukuhkan pengiktirafan terhadap nilai aset mereka serta isu-isu sedia ada.

Pemetaan keupayaan komuniti dan modal sosial adalah amat penting dalam pendekatan ABCD, kerana matlamat utamanya adalah untuk melibatkan komuniti sebagai pelaku atau penggerak dalam proses pengurusan perubahan. Faktor-faktor yang memberi tekanan terhadap aset dan sumber komuniti, serta yang boleh mengancam kelestarian, juga perlu dipetakan dan dianalisa.

Maklumat yang dikumpulkan akan dianalisa dan disintesis untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang sejarah, bentuk, ciri budaya, aset dan sumber, fungsi serta nilai sesebuah tempat. Pemetaan budaya membekalkan bukti dan data penting untuk merancang intervensi atau inisiatif yang bersifat kontekstual dan berteraskan budaya (rujuk Rajah 3).



Rajah 3: Langkah-Langkah Pemetaan Budaya (Pillai, 2020, p.28)

Rajah 4 di bawah memaparkan pelbagai jenis alat multi-mod yang boleh digunakan untuk melibatkan komuniti dalam proses pengumpulan data. Komuniti dan pihak berkepentingan yang berkaitan perlu terlebih dahulu dimaklumkan mengenai projek tersebut, dan persetujuan mereka mestilah diperoleh dengan menggunakan kaedah kreatif seperti risalah awam, papan kenyataan tempatan dan pameran maklumat.



Rajah 4: Alat Multi-Mod untuk Melibatkan Komuniti dalam Pengumpulan Maklumat

6.2 Perancangan Intervensi atau Inisiatif Strategik



Rajah 5: Langkah-Langkah dalam Perancangan Projek yang Efektif (Grassroots Collective p4)

Pemahaman yang mendalam terhadap tempat yang diperoleh melalui pemetaan yang terperinci dan terbeza dapat membantu mengenal pasti kawasan yang berfungsi rendah atau bermasalah, dimana intervensi atau inisiatif perlu difokuskan. Berdasarkan bukti ini, idea awal bagi intervensi atau inisiatif yang tercipta akan dibincangkan bersama ahli komuniti yang komited.

Sesi rundingan dan dialog membolehkan komuniti menyumbangkan pandangan serta idea, disamping mengenal pasti risiko dan peluang yang berkaitan. Maklum balas ini membantu membentuk pelan intervensi yang lebih praktikal dan berdaya maju. Pasukan kerja komuniti dan pihak ketiga kemudiannya bersama-sama menetapkan matlamat projek dan mereka bentuk aktiviti terperinci yang akan menghasilkan output nyata dan tidak nyata yang menyumbang kepada hasil yang diinginkan.

Adalah penting untuk menjelaskan hubungan antara input, aktiviti dan output kerana ini membantu dalam perancangan dan pelaksanaan yang lebih berkesan. Input harus dioptimalkan berdasarkan aset dan sumber tempatan, dan tidak bergantung semata-mata kepada pelaburan luar. Satu siri aktiviti yang disasarkan kemudiannya dirancang untuk menghasilkan output yang konkrit dan memberi manfaat serta memperkasakan komuniti ke arah peneraju projek (rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Contoh Perancangan Strategik menggunakan Rantaian Projek

INPUT	AKTIVITI	OUTPUT	DAPATAN	IMPAK
Sumber yang diperlukan	Tindakan yang dirancang untuk mencapai objektif	Hasil nyata & tidak nyata daripada aktiviti	Manfaat jangka pendek atau sederhana kepada penerima	Manfaat jangka panjang
Kajian	Penyelidikan partisipatif	Pangkalan data maklumat	Akses dan penggunaan data	Pengurusan yang diterajui komuniti Pembangunan produk atau perkhidmatan Peluang pekerjaan baharu
Aset Tempatan & Sumber	Pengaktifan sumber komuniti	Pasukan kerja komuniti teras	Perpaduan komuniti & sumber bersama	
Dana	Libat urus dengan pihak berkepentingan & rakan usahasama tempatan	Model pembiayaan koperatif	Akses kepada pembiayaan Keuntungan yang dikongsi bersama	
Latihan	Peningkatan kesedaran & pembangunan kapasiti	Perkongsian pengetahuan & kemahiran	Peningkatan kapasiti dalam kalangan sejumlah penerima manfaat	

Mempunyai garis dasar (*baseline*) tentang situasi semasa dan menetapkan penunjuk yang realistik bagi pembangunan komuniti yang diharapkan merupakan aspek yang penting dalam peringkat reka bentuk sesuatu projek. Penunjuk yang dibangunkan mestilah relevan dengan konteks setempat serta selaras dengan objektif dan matlamat projek. Sebagai contoh, penunjuk boleh digunakan untuk mengukur perubahan dalam keharmonian dan pemeraksanaan komuniti, keupayaan komuniti, tingkah laku atau cara berfikir, keadaan kehidupan atau mata pencarian, serta persekitaran mereka.

6.3 Pemantauan & Penilaian

Pemantauan dan penilaian merupakan proses yang berterusan dalam pendekatan ABCD, seiring dengan penyelesaian masalah dan refleksi. Keempat-empat elemen ini perlu diintegrasikan sepanjang proses pelaksanaan. Sasaran yang jelas dan senarai semak perlu dibangunkan untuk menjejaki kemajuan dan menilai prestasi pelaku pada setiap peringkat projek. Penunjuk kuantitatif dan kualitatif membantu dalam mengukur tahap pencapaian. Masalah kecil dijangka berlaku semasa pelaksanaan, dan penting untuk bersikap proaktif dengan membuat refleksi terhadap isu tersebut serta mempertimbangkan perubahan atau penyesuaian yang diperlukan. Selepas pemudah cara pihak ketiga menarik diri, inisiatif tersebut perlu diteruskan oleh pelaku tempatan. Komuniti akan terus membuat penyesuaian terhadap inisiatif mengikut keperluan dan menjalankan pemantauan serta penilaian secara berterusan. Pemudah cara pihak ketiga juga boleh mempertimbangkan untuk mengadakan aktiviti susulan bagi membantu komuniti mengukur impak atau pencapaian matlamat pada tahap yang lebih tinggi.

6.4 Pengaktifan Komuniti

Penyertaan komuniti berlaku apabila ahli-ahli komuniti berminat dan memilih untuk menyumbang masa, tenaga, pengetahuan dan kemahiran secara aktif ke arah membawa perubahan. Komuniti lebih cenderung untuk terlibat apabila terdapat penerangan yang jelas mengenai keperluan, objektif dan manfaat bersama. Mengaktifkan penyertaan komuniti memerlukan masa dan melibatkan aktiviti strategik yang “boleh dicapai, mudah dan spesifik” dengan matlamat yang jelas. Aktiviti seperti ini dapat membina keyakinan, kepercayaan dan semangat kerjasama dalam kalangan komuniti.

Strategi untuk Mengaktifkan Komuniti

- Memartabatkan dan membina rasa bangga komuniti terhadap aset budaya sedia ada serta mengiktiraf nilainya.
- Memotivasikan minat dalam kalangan komuniti untuk menyumbang penyelesaian kreatif terhadap masalah.
- Membina perpaduan komuniti melalui interaksi sosial yang bermakna dan amalan partisipatif.
- Menyesuaikan aktiviti agar dapat melibatkan pelbagai kumpulan berkepentingan mengikut keupayaan atau minat mereka.
- Meningkatkan kemahiran, keyakinan dan aspirasi dalam kalangan ahli komuniti yang bermotivasi sebagai persediaan untuk menerajui projek.

Proses pengaktifan komuniti memerlukan interaksi, penyertaan dan gerakan komuniti secara berperingkat. Pembinaan kepercayaan dan hubungan, serta pemupukan budaya keterangkuman, rundingan dan penyertaan yang melibatkan individu, subkumpulan dan pihak berkepentingan, merupakan prasyarat penting bagi mewujudkan kerjasama dan pemerkasaan (rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Spektrum Penglibatan Awam (adaptasi daripada IAPP, 2014, p2)

Perpaduan Sosial	Kolaborasi dan Usahasama	Kemahiran dan Pembangunan Kapasiti	Pengurusan dan Tadbir Urus	
Maklum	Runding	Libat	Kolaborasi	Perkasa
Komuniti dimaklumkan tentang hasrat atau tujuan	Komuniti memberikan input atau maklum balas	Mengintegrasikan suara, pengetahuan & keperluan komuniti	Komuniti menyumbang dan berkongsi tanggungjawab	Komuniti memimpin/ menggerakkan inisiatif
Aktiviti libat urus	Mesyuarat awam	Pasukan kerja yang diketuai komuniti	Penciptaan bersama (co-creation)	Kepimpinan & pengurusan bersama
Pembentangan	Perbincangan kumpulan fokus	Proses membentuk visi & penetapan matlamat bersama	Pelaksanaan bersama (co-implementation)	Manfaat dikongsi
Papan tanda atau buletin/risalah	Pengundian deliberatif	Pembinaan konsensus	Perkongsian dengan organisasi lain	Keputusan secara autonomi

Rundingan ialah proses dua hala yang membolehkan semua pihak menyuarakan masalah secara bersama, membentangkan idea serta mencadangkan penyelesaian yang berpotensi. Rundingan, bersama dengan akses kepada maklumat, boleh digunakan untuk membentuk tujuan bersama atau matlamat kolektif, serta membina konsensus dan komitmen dalam kalangan komuniti.

Syarat yang diperlukan untuk kejayaan inisiatif dari bawah ke atas (*bottom-up*):

- Terdapat minat, aset dan keupayaan tempatan yang boleh membantu sesuatu inisiatif bermula serta menjadi pemangkin kepada perubahan
- Pemegang taruh komuniti terlibat sejak awal dan menyokong manfaat yang dibawa oleh inisiatif tersebut
- Pemegang taruh komuniti diperkasakan untuk mengurus projek secara aktif dan diberikan kemahiran yang diperlukan untuk melakukannya dengan berkesan

Kerjasama boleh mula terjalin apabila ahli komuniti yang komited serta rakan pelaksana memahami dengan jelas tentang inisiatif yang dirancang serta hasil yang dijangka, dan menunjukkan kesediaan untuk berkongsi tanggungjawab dalam pelaksanaan bersama. Keupayaan komuniti mungkin perlu diperkukuhkan melalui pembelajaran secara perantisan, bimbingan, latihan profesional, atau pendekatan lain yang sesuai.

Sebelum pemudah cara pihak ketiga mula menarik diri daripada sesuatu inisiatif pembangunan komuniti, mereka perlu mewujudkan mekanisme penilaian berbentuk

soal selidik dan sistem maklum balas berterusan pada setiap peringkat intervensi. Mekanisme ini membolehkan komuniti membuat keputusan untuk melaraskan semula objektif projek atau proses pelaksanaannya. Hanya dengan cara ini, peralihan dalam dinamik kuasa dapat dilihat secara nyata, apabila tanggungjawab dan akauntabiliti mula beralih ke tangan komuniti sendiri. Pemerkasaan merujuk kepada satu proses pembangunan dimana komuniti memperoleh tahap autonomi, kecekapan dan keupayaan membuat keputusan secara beransur-ansur untuk mengurus serta memiliki projek tersebut sepenuhnya (rujuk Rajah 6).





7. Contoh Kes Amalan ABCD

Contoh kes ini menggambarkan pelaksanaan amalan ABCD dalam landskap budaya luar bandar di negeri Perak, Malaysia, dan menonjolkan kejayaan serta cabaran dalam menggunakan pendekatan ini.

7.1 Konteks dan Pernyataan Masalah

Lembah Lenggong, yang terletak di negeri Perak, Malaysia, merupakan sebuah landskap luar bandar yang kaya dengan warisan semula jadi dan arkeologi, biodiversiti, geologi yang unik, tapak arkeologi dan artifak. Ia turut menampilkan warisan budaya yang pelbagai hasil daripada penempatan masyarakat Patani, Melayu, Cina dan India yang tinggal di kampung-kampung yang terletak di sepanjang Sungai Perak dan juga di pekan kecil. Dataran yang subur, anak-anak sungai dan tasik buatan menyediakan sumber rezeki dan aktiviti komersial yang

berteraskan pertanian dan perikanan. Walaupun Lembah Lenggong telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2012 dan Geopark Kebangsaan pada tahun 2021, tinjauan terdahulu menunjukkan bahawa generasi muda di kawasan ini mempunyai pengetahuan yang rendah tentang warisan geoarkeologi dan budaya tempatan. Sebaliknya, penduduk yang lebih berusia yang terlibat dalam pekerjaan dan amalan tradisional mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam dan praktikal tentang sumber semula jadi dan budaya setempat serta lebih cenderung memanfaatkannya.



7.2 Huraian Projek, Objektif dan Matlamat

Projek ini merupakan sebahagian daripada pelan yang lebih besar – Pembangunan Komuniti Lestari Lembah Lenggong oleh Think City. Arts-ED Penang, sebuah organisasi bukan untung pendidikan seni dan budaya berasaskan komuniti, telah dilantik oleh Think City untuk melaksanakan program pembangunan kapasiti dan pendidikan yang bertujuan meningkatkan kesedaran, rasa pemilikan dan tanggungjawab masyarakat setempat terhadap aset warisan budaya dan semula jadi mereka. Satu draf inisiatif telah dirangka untuk membangunkan siri lawatan kesedaran warisan di tapak-tapak tempatan

bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan penduduk dan pelajar sekolah menengah mengenai warisan Lembah Lenggong. Bagi memperkukuh kapasiti komuniti tempatan, sekumpulan komuniti aktif dipilih untuk menjalani latihan secara langsung dalam reka bentuk bersama (*co-design*), pengelolaan bersama (*co-organising*) dan pelaksanaan lawatan. Penerima manfaat utama terdiri daripada kumpulan komuniti aktif yang melaksanakan lawatan, serta penduduk tempatan, pelajar sekolah menengah dan guru yang mengambil bahagian dalam lawatan tersebut.



7.3 Pemilihan Tapak Pembelajaran

Bagi memperlihatkan kekayaan warisan Lembah Lenggong, tapak-tapak telah dipilih untuk mewakili kepelbagaian kependudukan di Lenggong serta interaksi mereka dengan landskap, di samping memperlihatkan elemen warisan semula jadi atau budaya yang kukuh. Laporan pemetaan budaya terdahulu mengenai Lenggong (H&C Heritage Sdn. Bhd., 2023) telah menunjukkan data yang berguna mengenai kampung budaya dan tapak warisan di Lenggong.

Dalam proses pemilihan tapak pembelajaran, pasukan projek telah menjalankan lawatan ke kampung-kampung untuk menilai minat ketua kampung dan mengenal pasti kewujudan individu penghubung komuniti (*community connectors*) yang berpotensi. Matriks Bertema (Jadual 5) digunakan bersama dengan penilaian tapak oleh pasukan bagi memilih lima tapak utama untuk projek ini.

Jadual 5: Matriks Pemilihan Tapak Pembelajaran

Pemilihan Tapak Bertema	Aset Semulajadi	Aset Sosial	Aset Budaya	Aset Ekonomi	Memaparkan interaksi manusia-alam
Tapak Arkeologi	✓		✓		✓
Kampung di Persisiran Tasik	✓		✓	✓	✓
Kampung Melayu Bersejarah		✓	✓	✓	✓
Kampung Baru Cina		✓	✓	✓	✓
Bandar dan Perkampungan Urban		✓	✓	✓	



7.4 Pihak yang Terlibat

Arts-ED telah memainkan peranan sebagai pemudah cara pihak ketiga, dengan pasukan seramai lima orang yang terlibat dalam penyelidikan, pemudahcaraan, latihan pembangunan kapasiti dan pengelolaan bersama program ini bersama komuniti.

Inisiatif ini melibatkan 25 orang ahli komuniti aktif, serta kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan ketua-ketua kampung.


Di setiap tapak, satu pasukan kerja teras tempatan telah dibentuk. Pasukan ini terdiri daripada seorang penghubung komuniti tempatan yang mengenali sebahagian besar penduduk kampung dan mampu mengenal pasti serta menggerakkan sokongan mereka, beberapa sukarelawan komuniti, dan seorang atau dua individu yang berpotensi untuk dilatih sebagai pemandu lawatan.





7.5 Proses

Proses selama enam bulan ini melibatkan penglibatan dan pengaturan ahli komuniti yang lebih besar di lima tapak terpilih melalui siri aktiviti yang dirancang untuk membangkitkan minat, penyertaan dan sumbangan mereka terhadap inisiatif ini (rujuk Rajah 7).



Rajah 7: Proses ABCD dan Aktiviti dalam Kajian Kes

7.6 Pengaktifan Komuniti dan Pembangunan Kapasiti

Setelah komuniti dimaklumkan mengenai inisiatif ini, perancangan dan pembangunan projek di setiap lokasi dijalankan secara kerjasama antara pasukan Arts-ED dan pasukan kerja komuniti dari setiap tapak.

Bagi memulakan proses pengaktifan komuniti, penduduk di setiap lokasi telah dilibatkan dalam aktiviti pemetaan partisipatif dan pengecaman nilai terhadap aset budaya dan semula jadi. Antara cara yang digunakan termasuklah perbualan santai, temu bual dengan penduduk dan sejarawan tempatan, serta lawatan berpandu yang diketuai oleh penduduk melalui kawasan kejiranan mereka.

Penghubung komuniti memainkan peranan penting dalam melibatkan lebih

ramai ahli komuniti dengan mengenal pasti individu sumber, mengumpul bahan-bahan sejarah daripada komuniti, dan mencari pencerita tempatan serta penduduk yang mampu mempamerkan amalan tradisional bagi memperkayakan pengalaman lawatan warisan.

Pemandu komuniti telah diberi latihan untuk memimpin lawatan, manakala pasukan kerja komuniti dan kakitangan pihak berkuasa tempatan menerima latihan berkenaan pengurusan logistik, termasuk penyelarasan pengangkutan dan mengelola peserta tempatan dari kampung-kampung dan sekolah untuk menyertai lawatan di pelbagai tapak projek.

Ahli Komuniti Lain
Ahli-ahli komuniti yang terlibat dalam jejak warisan

Pencerita dan Pengamal Budaya
Orang sumber dalam kalangan komuniti yang menyumbang kepada pembangunan kandungan projek

Pasukan Kerja Komuniti
Ahli-ahli komuniti yang terlibat dalam perancangan, rekaan dan pelaksanaan projek cth. pelaksana, koordinator dan pemandu

Penghubung komuniti
Ahli komuniti yang mampu mengenalpasti orang sumber, menyusun dan menggerakkan penglibatan komuniti

Pemudah Cara – Fasilitator
Peranan Arts-Ed sebagai pemudah cara pihak ketiga adalah untuk melibatkan komuniti, mengenalpasti pasukan kerja komuniti, pemetaan dan penyelidikan, melatih dan membina kapasiti pasukan kerja komuniti dan memberikan sokongan mengikut keperluan.



Rajah 8: Susunan dan Penglibatan Komuniti dalam Projek



7.7 Pembangunan Kapasiti

Pembangunan kapasiti melibatkan bimbingan dan pemudahcaraan secara progresif untuk membawa pasukan kerja komuniti ke arah pengurusan sendiri. Aktiviti yang dijalankan termasuk:

- Penjelasan peranan
- Pembahagian tanggungjawab secara berperingkat
- Penetapan tugas dan pemantauan prestasi
- Pembelajaran berperingkat melalui latihan dan sesi percubaan
- Pemerhatian dan pembelajaran daripada rakan-rakan pasukan lain
- Maklum balas dan refleksi

Lama-kelamaan, individu dan subkumpulan dalam komuniti yang lebih besar mula menyokong kumpulan kerja utama dengan menambah nilai kepada lawatan warisan melalui penceritaan, demonstrasi, penyediaan makanan, minuman dan pengangkutan. Kumpulan kerja komuniti memberi tumpuan kepada penggunaan keupayaan sosial dan organisasi yang sedia ada untuk menyusun input komuniti dan menyokong pemandu lawatan dalam pelaksanaan aktiviti di tapak masing-masing.

7.8 Hasil (Outputs)

1. 24 lawatan warisan kesedaran telah dijalankan oleh 10 ahli pasukan kerja komuniti (2 dari setiap tapak)



3. Pasukan kerja komuniti berjaya mendapatkan geran sendiri untuk membiayai 14 daripada 24 lawatan



4. Kira-kira 350 penduduk Lenggong telah menyertai lawatan kesedaran warisan

2. 10 ahli komuniti terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan lawatan, manakala 5 daripada mereka dilatih sebagai pemandu warisan




5. Dokumentasi sejarah dan aset bagi 5 tapak, termasuk:

- Garis masa sejarah perkembangan dan peristiwa penting di setiap tapak



- Peta aset terperinci yang menunjukkan warisan binaan dan semula jadi





7.9 Penilaian

Penilaian Lawatan Warisan

Tinjauan pendapat secara lisan yang ringkas telah dijalankan melibatkan sebilangan kecil pelajar dan orang dewasa yang menyertai lawatan tersebut. Namun begitu, tinjauan tersebut hanya memberikan respons serta pembelajaran segera mereka daripada lawatan itu, dan adalah mustahil untuk menentukan sama ada pengetahuan baharu tersebut memberi kesan terhadap perubahan sikap atau menyumbang kepada rasa pemilikan terhadap aset warisan.

Kaedah: Soal selidik lisan ringkas sebelum dan selepas lawatan kepada 15 orang penduduk

Penemuan: Terdapat peningkatan 20–30% dalam pengetahuan dan kesedaran warisan. Penduduk setempat teruja mengenal pasti aset, cerita dan amalan baharu. Penduduk dari luar tapak berminat dengan sejarah, ekonomi, ekosistem dan pemuliharaan.

Penilaian Pembangunan Kapasiti & Pembangunan Komuniti

Tinjauan berstruktur dan perbincangan kumpulan fokus hanya mengumpulkan pendapat daripada kumpulan kerja komuniti. Namun, hanya pendapat dan bukan indikator digunakan untuk mengukur hasil. Maka, transformasi atau perubahan tidak dapat diukur.

Kaedah: Soal selidik berpanduan dan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama 10 ahli pasukan kerja komuniti

Penemuan: FGD menghasilkan maklum balas yang lebih mendalam iaitu pemandu menyatakan lonjakan pengetahuan dan kemahiran; aktiviti mengembangkan perspektif, memperkaya pengetahuan, dan mengubah sikap terhadap warisan; dan hubungan antara ahli kumpulan dan kerjasama dengan penduduk kampung turut bertambah baik.





8. Kesimpulan

Pengajaran utama daripada amalan ABCD ini termasuk:

- Aktiviti libat urus yang lebih strategik mungkin dapat membantu komuniti memahami dan menyokong inisiatif dengan lebih mendalam.
- Pemetaan partisipatif terbukti berkesan untuk pengumpulan data dan pengaktifan komuniti.
- Kegagalan memetakan kapasiti komuniti dan membina pangkalan kemahiran menjejaskan kecekapan pasukan kerja yang kurang kemahiran yang pelbagai untuk melaksanakan projek.
- Penyelesaian masalah dan penyesuaian program secara berterusan amat berguna dalam menghadapi keadaan yang tidak dijangka.
- Konsep dan pelaksanaan pemantauan dan penilaian tidak dirancang dengan baik; kepentingan membangunkan indikator perlu ditekankan.
- Potensi untuk memperkembangkan lagi inisiatif mikro ini tidak direalisasikan (walaupun terdapat motivasi dalam kalangan komuniti) disebabkan oleh pendekatan berasaskan projek jangka pendek oleh pasukan pemudah cara dan rakan pelaksana.

Secara keseluruhan, inisiatif ini berjaya meningkatkan kesedaran warisan secara serta-merta dalam kalangan penduduk yang terlibat. Bagi ahli komuniti yang terlibat dalam pemetaan dan dokumentasi, proses ini mengembangkan pengetahuan warisan dan membina rasa bangga terhadap tempat dan identiti. Kerja secara berpasukan dengan matlamat bersama turut memperkukuh kemahiran organisasi dan meningkatkan hubungan serta kerjasama antara sesetengah anggota komuniti. Namun, kesan jangka panjang masih belum dapat ditentukan pada tahap ini.



Rujukan

1. **Engelhardt, R., & Rogers, P.** (2009). *Hoi An protocols for best conservation practice in Asia: Professional guidelines for assuring and preserving the authenticity of heritage sites in the context of cultures of Asia*. UNESCO.
2. **Grassroots Collective.** (n.d.). *A learning centre for community development: Introduction to project planning*.
<https://www.thegrassrootscollective.org/practical-development-tools-course>
3. **H & C Heritage Sdn. Bhd.** (2023). *Report on cultural mapping and assessment of Lenggong Valley: In preparation for sustainable management of a rural landscape*. H & C Desktop Publication.
4. **Kretzmann, J., & McKnight, J.** (1993). *Building communities from the inside out: A path toward identifying and mobilizing a community's assets*. ACTA Publications.
5. **Mathie, A., & Cunningham, G.** (2002). *From clients to citizens: Asset-based community development as a strategy for community-driven development* (Occasional Paper Series No. 4). Coady International Institute.
6. **Michaelson, L., Sarno, D., & Rozelle, M.** (1992). *IAP2 spectrum of public participation*. International Association for Public Participation.
https://cdn.ymaws.com/www.iap2.org/resource/resmgr/pillars/iap2_spectrum_2024.pdf
7. **Pillai, J.** (2020). *Cultural mapping: A guide to understanding place, community and continuity*. SIRD.
8. **UNESCO.** (2019). *Culture 2030 indicators: Thematic indicators for culture in the 2030 agenda*. UNESCO.
<https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000371562>



thinkcity